

Pemulihan tanah dalam perhatian

NORAFIZA JAAFAR

GOMBAK - Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Gombak akan membangkitkan isu pemulihan tanah di Jalan 3/34 di Bandar Tasik Puteri di sini dalam jawatankuasa tindak-
an daerah minggu ini.

Pegawai Daerah Gombak yang juga pengerusi jawatankuasa itu, Datuk Amirul Azizan Abd Rahim berkata, antara cadangan yang akan disyorkan dalam mesyuarat siri 1/2017 itu termasuk kajian tanah dan pembaikan cerun.

"Pencerobohan tanah adalah di bawah PTD namun kerja baik pulih cerun di bawah MPS kerana hanya agensi tersebut mempunyai kepakaran dalam bidang itu.

"Mereka juga diberikan

peruntukan untuk kerja cerun bagi kawasan penyelenggaraan termasuk kawasan perumahan," katanya menjawab status pencerobohan tanah di kawasan tersebut.

Amirul berkata, pihaknya akan meminta MPS dan Jabatan Mineral Sains dan Geosains (JMG) untuk menghantar laporan kajian teknikal tanah.

"Dalam apa-apa hal kita pastinya utamakan keselamatan penduduk, papan tanda telah dipasang sebagai larangan menceroboh kawasan itu," katanya.

Beliau berkata, pihaknya menerima aduan November lalu dan sewaktu pemeriksaan dilakukan didapati pihak yang mengusahakan projek tersebut telah menghentikan



Wan Mahmood (depan, dua kiri) mengetuai lawatan ke lokasi bersama agensi berkaitan untuk meninjau keadaan.

kerja.

"Tanah tersebut berstatus persendirian dan rizab kerajaan. PTD masih menjalankan siasatan lanjut bagi mengenal pasti pihak yang

bertanggungjawab menjalankan kerja tersebut memandangkan tiada sebarang permohonan diterima.

"Tindakan boleh diambil bagi penceroboh tanah kerajaan,

sementara bagi tanah persendirian kita perlu semak status dan notis akan dikeluarkan sekiranya dikesan melanggar syarat nyata," ulasnya.

Sementara itu, Ahli Majlis

MPS yang juga Orang Besar Daerah Gombak, Tan Sri Wan Mahmood Pa'wan Teh berkata, beliau meminta kerjasama orang awam untuk melaporkan kegiatan kerja tanah yang meragukan atau tidak mendapat kelulusan MPS.

"Kerjasama penduduk memudahkan MPS untuk ambil tindakan. Penduduk boleh ambil gambar lori bagi memudahkan kita," katanya.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan mengenai kebimbangan penduduk melibatkan kira-kira 80 keluarga di kawasan Jalan 3/34 di Bandar Tasik Puteri di sini yang berdepan risiko tanah runtuh kesan projek yang dijalankan pihak tidak dikenal pasti di bahagian belakang rumah mereka.